



LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA



Tkt 17, Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur
Tel: 603-26967999/7809/7803/8140/8142
Fax: 603-26925680
E-mail: info@bqsm.gov.my
Website : www.bqsm.gov.my

Yang Di Pertua: DATO' ABDULL MANAF BIN HJ. HASHIM
DIMP, AMN, AMTP, PJC

Pendaftar: ABD. SHUKOR BIN IBRAHIM
AMP, MIS (M)

Setiausaha: PUAN RATNA MAHYUDDIN
FISM

(073)dIm.KKR/LJBM/702(2) Jld.37- 09/10/1580
20 Oktober 2009

Kepada :

Semua Juruukur Bahan Siswazah berdaftar

Tuan/Puan,

Bayaran Pembaharuan Pendaftaran Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar Bagi Tahun 2010

Adalah dimaklumkan bahawa pendaftaran tuan/puan sebagai Juruukur Bahan Siswazah berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) akan tamat pada 31.12.2009 dan perlu diperbaharui bagi tahun 2010. Oleh yang demikian, tuan/puan adalah dikehendaki mengemukakan permohonan pembaharuan tersebut sebelum 31.1.2010. Sila ambil maklum bahawa Mesyuarat Lembaga yang bersidang pada 6.10.2009 telah menetapkan bahawa semua kategori permohonan pembaharuan pendaftaran bagi tahun 2010 **wajib** dibuat secara '**online**' melalui aplikasi ReQSys di laman web LJBM, <http://bqsm.gov.my/reqsys/public/user/login.php>. Pembaharuan tuan/ puan tidak akan dilayan sekiranya tuan/ puan gagal memperbaharui pendaftaran tuan/ puan secara online walaupun LJBM menerima bayaran pembaharuan dan keperluan CPD tuan/ puan mencukupi.

2. Sebagai ganjaran kepada Juruukur Bahan Siswazah berdaftar yang mengemukakan bayaran pembaharuan mereka pada atau sebelum 31.12.2009, mereka akan menerima **satu baucer diskaun CPD yang bernilai RM25.00**. Baucer ini hanya akan diberikan kepada Juruukur Bahan Siswazah berdaftar yang cukup syarat bagi pembaharuan pendaftaran mereka. Tempoh sah laku baucer ini adalah satu tahun iaitu dari 1.1.2010 hingga 31.12.2010 dan ia tidak boleh dipindahmilik (non-transferable). Baucer diskaun CPD ini hanya boleh digunakan bagi program-program CPD yang dianjurkan oleh LJBM.
3. Untuk memperbaharui pendaftaran, sila ikut langkah-langkah yang tertera di Lampiran A/2010/MP.
4. Sila ambil maklum juga bahawa **permohonan pembaharuan pendaftaran yang diterima pada atau sebelum 31.01.2010 tetapi dokumen yang dihantar tidak lengkap/ poin CPD tidak mencukupi bagi pembaharuan pendaftaran akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga pada bulan Februari/Mac untuk pembatalan dan akan dikenakan kos pentadbiran sebanyak RM25.00**. Pendaftaran yang dibatalkan boleh diaktifkan semula dengan membuat permohonan pemasukan semula seperti yang tertera di perkara 6 yang berikut.
5. **Sekiranya tuan/puan gagal memperbaharui pendaftaran dengan LJBM dalam tempoh yang ditetapkan, pendaftaran tuan/puan akan dibatalkan secara automatik berkuatkuasa 1.2.2010 dan tindakan akan diambil untuk mengeluarkan nama tuan/puan dari Daftar LJBM. Adalah menjadi kesalahan jika tuan/puan terus menjalankan amalan ukur bahan atau memberi perkhidmatan sebagai seorang Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar (Seksyen 8 Akta Juruukur Bahan 1967 dirujuk).**

6. Untuk pemulihan pendaftaran (**reinstatement**) bagi tahun 2010, tuan/puan hendaklah memohon secara online. Tuan/puan memerlukan **5 poin kredit CPD** dan bayaran seperti berikut akan dikenakan (Kaedah 23 (B), Kaedah-Kaedah Juruukur Bahan 1973 dan Pindaan 2004 dirujuk):

i)	Fee pembaharuan 2010	-	RM 50.00
ii)	Fee pendaftaran semula	-	RM 50.00
iii)	Fee pentadbiran (tidak akan dikembalikan)	-	<u>RM 50.00</u>
	<i>Jumlah yang perlu dibayar</i>	-	<u>RM150.00</u>

7. **Perlu diingatkan, mengikut peruntukan Seksyen 17 (2) Akta Juruukur Bahan, sekiranya pembatalan pendaftaran tuan/ puan melebihi tempoh 3 tahun, tuan/ puan dikehendaki mengemukakan permohonan pendaftaran yang baru dan tertakluk kepada syarat-syarat pendaftaran yang terkini.**

8. Untuk maklumat lanjut mengenai pembaharuan pendaftaran secara online, sila hubungi urusetia LJBM di talian 03-26968147, 03-26968140, 03-26967809, 03-26967999.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Dengan Perintah Lembaga,

Abd Shukor Ibrahim
Pendaftar
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

